

Air pasang masuk balai polis

KOSMO 9/10

Oleh YUSNILAH YUNIS
dan ROSLI HASSAN
berita@kosmo.com.my

PELABUHAN KLANG – Landasan komuter di sini ditenggelami air sedalam 0.3 meter ekoran fenomena air pasang besar yang bermula sejak Jumaat lalu.

Orang ramai yang mahu menaiki komuter terpaksa ke Stesen Jalan Kastam. Bagaimanapun, landasan komuter tersebut pulih semula menjelang tengah hari.

Kesan fenomena itu juga

menyebabkan Jeti Pulau Ketam dan Balai Polis Pelabuhan Klang dinaiki air ke paras lutut akibat limpahan air laut pukul 6 pagi dan surut sejam kemudian.

Lain-lain kawasan yang turut terjejas ialah Bandar Sultan Sulaiman, Kampung Perpat Kapar, Telok Gong, Tanjung Harapan dan sekitar kawasan pembangunan Glenmarie Glove.

Lebuh Raya Shahpadu turut dinaiki air kurang dari satu meter dalam radius kira-kira 500 meter. Air di situ naik

pukul 6.10 pagi dan surut sejam kemudian.

Beberapa buah kereta yang diletakkan di jeti Pelabuhan Selatan turut dimasuki air.

Air pasang besar yang bermula Jumaat lalu mencapai ketinggian 5.6 meter pada pukul 5.12 pagi di tempat menyukat banjir dan kelmarin mencapai ketinggian 5.9 meter pada pukul 5.54 pagi, manakala semalam ketinggian diramalkan bertambah kepada 6.0 meter.

Esok ketinggian air pasang laut diramal mencapai 5.9 meter pada pukul 7.08 pagi dan hari berikutnya, hari terakhir air pasang diramalkan berlaku, keadaan dijangka reda sedikit pada paras 5.6 meter pada pukul 7.08 pagi.

Sementara itu, penduduk Taman TTDI Jaya di sini lega apabila ramalan banjir besar melanda kawasan mereka semalam tidak menjadi kenyataan.

Tinjauan **KOSMO!** semalam mendapati, cuaca baik melegakan penduduk TTDI Jaya yang bimbang air Sungai Damansara bersebelahan taman mereka akan melimpah sehingga memasuki rumah seperti yang sering



AIR pasang besar turut melimpah masuk ke Balai Polis Pelabuhan Klang semalam.

berlaku setiap kali hujan lebat.

Sebelum ini, penduduk diminta mengambil langkah berwaspada kemungkinan berlakunya banjir apabila air laut di Pelabuhan Klang dijangka naik sehingga lima meter yang berpunca daripada fenomena air pasang besar.

Kesan fenomena yang mencapai kemuncaknya semalam itu diramal bertambah serius jika hujan lebat kerana ia boleh mengakibatkan kenaikan air laut bertembung dengan kenaikan air sungai.

Keadaan ini seterusnya boleh mengakibatkan banjir besar di kawasan rendah dan

sering dilanda banjir seperti di Taman TTDI Jaya.

Seorang penduduk, Sujak Yusof, 65, berkata, dia mengambil langkah berhati-hati terhadap kemungkinan berlakunya banjir besar setelah menerima amaran pelbagai pihak termasuk media dan jawatan kuasa penduduk.

“Saya sering tinjau aras sungai sebagai langkah berhati-hati. Awal pagi tadi (semalam) saya tinjau sekali lagi kerana bimbang banjir berlaku seperti yang diperkatakan.

“Namun saya dapati paras air sungai tiada perubahan. Mungkin kerana tidak hujan pagi tadi (semalam),” katanya

yang rumahnya dimasuki air banjir 17 kali sepanjang 12 tahun menetap di situ.

Menurut Sujak, dia amat bersyukur banjir tidak berlaku semalam kerana banyak harta benda yang akan rosak setiap kali ia melanda.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, K.M. Jayaletchumy, 39, berkata, dia berdoa agar hujan tidak turut pagi semalam supaya banjir yang diramalkan tidak berlaku.

“Bukan senang nak cuci rumah setelah banjir, malah perabot dan peralatan elektrik juga akan turut rosak jika banjir besar berlaku,” katanya.

Hadiah Pembukaan dari Persada Johor di The Puteri Pacific Johor Bahru



Bufet Ramadhan hanya **RM 15.00++** seorang

Sempena pembukaan awal kami, dari 1 Oktober, anda boleh menikmati lebih daripada 100 jenis juadah berbuka puasa termasuk Kambing Kuzie serta masakan Johor. Berbukalah bersama kami dengan kumpulan-kumpulan Nasyid popular seperti Rabhani, Raihan, In-Team, Saujana, Now See Heart dan Far East. Tempahan awal adalah digalakkan. Hubungi kami di talian 607-219 9999 sambungan 9825.



PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
Jalan Abdullah Ibrahim, 80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.